

04 JUN, 2026

Terengganu pacu transformasi ekonomi masa hadapan



Berita Harian, Malaysia



Terengganu pacu transformasi ekonomi masa hadapan



Daripada negeri pengeluar minyak kepada hab tenaga hijau, mineral kritikal, industri bernilai tinggi

Oleh Mahanum Abdul Aziz
 mahanum_aziz@bh.com.my

Sekian lama, nama Terengganu hampir tidak dapat dipisahkan daripada industri minyak dan gas.

Dari pelantar luar pesisir hingga kompleks petrokimia di Kerteh, negeri di Pantai Timur itu sekian lama menjadi antara nadi penting sektor tenaga negara.

Namun, di sebalik identiti sebagai 'negeri minyak', Terengganu kini sedang menyusun naratif ekonomi baharu yang lebih moden, pelbagai dan berpaksikan masa depan yang mampan.

Apa yang sedang berlaku bukan sekadar pertumbuhan biasa, tetapi satu proses transformasi struktur ekonomi yang perlahan-lahan mengubah wajah negeri itu daripada ekonomi berasaskan sumber kepada ekonomi bernilai tinggi yang lebih berdaya tahan

terhadap ketidakpastian global. Hari ini, Terengganu sedang memperluas pengaruhnya dalam sektor tenaga hijau, pemrosesan mineral kritikal, industri hiliran berteknologi tinggi, pelancongan premium, pertanian moden serta penjagaan kesihatan pakar.

Lebih menarik, transformasi itu bukan bergerak secara berseparai, sebaliknya dipacu gabungan usaha syarikat berkalat kerajaan (GLC), pelabur swasta, syarikat multinasional serta kerjasama strategik bersama pemain tenaga nasional.

Terengganu Incorporated ('Terengganu Inc), syarikat pelaburan strategik milik penuh Kerajaan Negeri Terengganu menjadi pemacu utama dalam menarik pelaburan strategik merangkumi sektor kesihatan, tenaga hijau, perindustrian dan infrastruktur masa depan.

Transformasi ekonomi penting memandangkan landskap ekonomi dunia sedang berubah pantas, justeru pergantungan bertib-tib kepada komoditi semata-mata semakin dilihat berisiko, khususnya apabila harga minyak global mudah terdedah kepada ketegangan geopolitik, kelembapan ekonomi dunia dan perubahan dasar tenaga antarabangsa.

Langkah Terengganu mempelbagaikan sumber pertumbuhan dilihat sebagai strategi jangka panjang untuk memastikan ek-

onomi negeri terus relevan, kompetitif dan mampu mencipta peluang pekerjaan berkualiti kepada generasi akan datang.

Pelaburan catat momentum positif

Landskap pelaburan di Terengganu terus mencatat momentum positif dengan jumlah pelaburan komited bernilai RM4.3 bilion setakat September 2025, didorong oleh sektor tenaga boleh baharu. Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) menyifatkan pencapaian pelaburan itu membuktikan keyakinan pelabur terhadap daya saing Terengganu sebagai destinasi pelaburan utama di Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER).

Kemasukan pelaburan yang rancak ke negeri itu juga dapat dilihat dengan jelas apabila Kemaman kini muncul sebagai hab industri strategik baharu negara.

Pelaburan bernilai RM5.76 bilion oleh JKR Manufacturing Sdn Bhd bagi pembangunan loji pemrosesan alumina di daerah itu

bukan saja membawa limpahan ekonomi besar, malah meletakkan Terengganu dalam rantaian bekalan mineral kritikal dunia yang kini menjadi rebutan kuasa ekonomi global.

Dalam era peralihan tenaga dan ledakan teknologi hijau, permintaan terhadap mineral strategik untuk bateri, panel solar dan kenderaan elektrik meningkat secara mendadak.

Kedudukan Kemaman sebagai pusat pemrosesan mineral memberi kelebihan besar kepada Terengganu untuk muncul sebagai pemain penting dalam ekosistem industri masa depan Asia Tenggara.

Momentum itu diperkukuhkan lagi melalui peranan Eastern Pacific Industrial Corporation Bhd (EPIC) yang menyediakan infrastruktur pelabuhan dan logistik bagi menyokong pertumbuhan industri di negeri berkenaan.

Malah, EPIC kini bukan lagi sekadar pemain logistik tempatan, sebaliknya semakin mengukuhkan kedudukan sebagai syarikat perkhidmatan minyak dan gas nasional yang kompetitif.

Anak syarikatnya, EPIC OG Sdn Bhd yang memperoleh kontrak utama daripada PETRONAS Carigali Sdn Bhd (PETRONAS Carigali), anak syarikat milik penuh PETRONAS bagi penyediaan perkhidmatan penyelenggaraan, pentauliahan dan pengubahsuaian (MCM) dan penyambungan dan pentauliahan (HUC) Pan Malaysia bagi Pakaj A2 - (Aset Semenanjung Malaysia - Gas) sehingga 2029.

Perkembangan itu memberi isyarat penting bahawa syarikat berpangkalan di Terengganu kini sudah memiliki kemampuan teknikal dan kapasiti operasi untuk bersaing dalam ekosistem tenaga nasional pada skala lebih besar.

Ini juga memperlihatkan bagaimana pembangunan ekonomi ne-



geri bukan hanya bergantung kepada pelaburan luar, tetapi turut dipacu syarikat tempatan yang semakin matang dan berupaya membusi rantaian nilai industri tenaga negara.

Lebih signifikan, lebih 84 peratus daripada tenaga kerja EPIC terdiri daripada anak tempatan Terengganu.

Angka itu membawa mesej penting bahawa pembangunan ekonomi yang berlaku bukan sekadar mencatat nilai pelaburan di atas kertas, tetapi turut diterjemahkan kepada peluang pekerjaan dan peningkatan kemahiran rakyat negeri sendiri.

Pembaharuan ekonomi Terengganu tidak hanya tertumpu kepada industri berat dan projek berskala besar semata-mata, ma-

lah negeri itu juga mula memberi penekanan serius terhadap aspek kesejahteraan rakyat, khususnya dalam sektor kesihatan.

TDM Bhd, syarikat di bawah Terengganu Inc memiliki hospital pakar komuniti yang menyediakan perkhidmatan penjagaan kesihatan yang berkualiti dan berpatutan menerusi Kumpulan Medic Iman Sdn Bhd (KMI Healthcare), iaitu KMI Kuala Terengganu Medical Centre.

Ia juga turut memiliki hospital pakar di beberapa negeri seperti KMI Kelana Jaya Medical Centre di Petaling Jaya, Selangor, KMI Kuantan Medical Centre di Kuantan, Pahang, KMI Taman Desa Medical Centre di Kuala Lumpur and KMI Tawau Medical Centre di Sabah.

